

Polis dapat waran tangkap dakwa Buniyamin di mahkamah

UM - 9 SEP 2002

Qleh
MEOR HARMAN MEOR SHAKRI

KOTA BHARU 8 Sept. — Polis hari ini memperoleh waran tangkap untuk mendakwa bekas ahli Parlimen Bachok, Buniyamin @ Yamin Yaakob di mahkamah berhubung kenyataannya yang mendakwa Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menonton video lucu bersama cucunya.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kelantan, Asisten Komisioner Abdul Rahim Jani berkata, waran tangkap tersebut dikeluarkan oleh Hakim Kanan Mahkamah Sesyen di sini, Mohd. Yazid Mustafa.

Bagaimanapun katanya, usaha membawa Buniyamin ke mahkamah tidak dapat dilakukan hari ini kerana bekas ahli Parlimen terabit masih dirawat di Hospital Kota Bharu (HKB), di sini.

Menurut beliau, doktor yang merawat Buniyamin memberitahu polis bahawa keadaan pesakitnya itu tidak stabil untuk dibawa ke mahkamah berikutan komplikasi penyakit yang dialaminya.

“Polis juga ada merancang membawa majistret atau hakim ke hospital untuk membuat pendakwaan di sana tetapi apabila dikenal pasti, doktor menjelaskan keadaan

Buniyamin sekarang hanya boleh mendengar tetapi tidak boleh bercakap,” katanya.

Bercakap pada sidang akhbar di bilik mesyuarat Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Bharu, hari ini, Abdul Rahim memberitahu, waran tangkap berkenaan dikeluarkan pada kira-kira pukul 9.30 pagi.

Turut hadir pada sidang akhbar itu ialah pegawai penyiasat kes tersebut, Deputy Supritendan Hanifah Abdul Kader.

Abdul Rahim menjelaskan, buat masa ini polis akan memantau keadaan Buniyamin setiap hari sementara menunggu keadaan bagi

membolehkan beliau dibawa ke mahkamah.

Beliau berkata, waran tangkap yang dikeluarkan itu tidak mempunyai tempoh had kerana ia hanya dianggap tamat selepas tugas untuk membawa seseorang tertuduh ke mahkamah selesai dilakukan.

Katanya, Buniyamin akan didakwa di bawah Seksyen 500 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman maksimum penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Pejabat Peguam Negara dalam

kenyataannya Khamis lalu menyatakan Pegawai Penerangan Pas Kelantan itu akan didakwa di mahkamah kerana dakwaannya terhadap Perdana Menteri.

Menurut kenyataan itu, pendakwa raya berpuas hati dengan bukti bahawa Buniyamin jelas memfitnah Dr. Mahathir, selepas mengkaji secara mendalam kertas siasatan yang dikemukakan polis.

Pada 26 dan 29 Julai lepas, Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) menyiarkan slot melalui *Berita Perdana TV1* mengenai

■ Lihat muka 4

Polis dapat waran tangkap dakwa Buniyamin di mahkamah

UM - 9 SEP 2002

dakwaannya Buniyamin dalam ceramah beliau kononnya Dr. Mahathir menonton video lucu bersama cucunya di rumah.

Ekoran itu, tiga laporan polis dibuat di Pengkalan Chepa di Kelantan; Kuala Terengganu dan Baling di Kedah berhubung kenyataan Buniyamin itu yang dibuat di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan (Putik) di sini, pada 15 Mac lalu.

Kes tersebut juga semakin mendapat perhatian selepas pihak polis pada 14 Ogos lalu meminta kerjasama media untuk mengesan Buniyamin bagi membantu siasatan polis.

Dalam siasatan itu, lebih 20 saksi telah dipanggil untuk memberi keterangan termasuk wartawan dan kakitangan sebuah televisyen tempatan.

Sementara itu, mengulas perkembangan siasatan laporan polis terhadap Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berhubung kenyataannya yang menyifatkan Allah ‘samseng’, beliau berkata, ia masih dalam siasatan polis.